

01/10/1997

#### Fasa dua usaha dakwah Melayu

KUALA LUMPUR, Selasa - Selepas berjaya membentuk generasi muda Melayu komited kepada Islam, kerajaan akan melaksanakan pula "fasa dua" usaha dakwah dengan menjadikan Islam sebagai penggerak bagi kecemerlangan orang Melayu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata ia bertujuan membina kekuatan orang Melayu yang dapat digunakan secara maksimum dan bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan.

"Fasa kedua ini akan membangkitkan semangat Islam yang dapat mendesak diri penganutnya untuk mencapai kecemerlangan dan fasa ini membabitkan perkara yang sangat halus dan abstrak," katanya kepada pemberita di Pusat Islam di sini, hari ini.

Terdahulu beliau menerima kunjungan 20 anggota Majlis Hal Ehwal Agama Pergerakan Pemuda Umno yang diketuai pengerusinya, Ruslan Kassim.

Abdul Hamid berkata, pada fasa pertama pendakwahan sebelum ini, kerajaan berjaya menyebarkan agama Islam dan membentuk generasi muda Melayu yang komited dan berpegang kepada Islam.

"Fasa kedua itu juga sebagai usaha merealisasikan maksud ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan Agung Umno baru-baru ini, iaitu bagi menjadikan Islam sebagai budaya hidup masyarakat Melayu abad akan datang," katanya.

(END)